



YAYASAN
No. Syarikat : 1170062 – M
Ditubuhkan di Malaysia

Bil.(34)dlm YR-01/9240.00

1 Oktober 2024

**Semua Pegawai dan Kakitangan
Yayasan RISDA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ARAHAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BILANGAN 2 TAHUN 2024
MENERIMA PAKAI ARAHAN PENTADBIRAN RISDA HOLDINGS SDN. BHD. (RHSB)
BILANGAN 4 TAHUN 2024
- PANDUAN PENGURUSAN CUTI BAGI KES COVID-19**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Kali Ke-21 yang bersidang pada 30 September 2024 telah bersetuju meluluskan dan menerima pakai Arahan Pentadbiran RISDA Holdings Sdn. Bhd. (RHSB) Bilangan 4 Tahun 2024 berkaitan Panduan Pengurusan Cuti Bagi Kes Covid-19.

3. Situasi semasa pandemik Covid-19 di Malaysia berada dalam keadaan yang lebih baik dan Malaysia bersedia untuk hidup dengan Covid-19. Berkuat kuasa mulai 15 Julai 2024, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengemaskini keperluan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (*Home Surveillance Order* - HSO) dan keperluan pemakaian pelitup muka.

4. Sehubungan itu, Pengurusan RHSB telah menetapkan panduan khusus bagi pengurusan cuti staf yang terjejas oleh Covid-19. Panduan ini bertujuan untuk memastikan kesejahteraan semua staf Kumpulan RISDA Holdings (KRH) serta pematuhan kepada peraturan kesihatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa seperti berikut:

4.1 Panduan Umum

Staf yang positif Covid-19 akan dirawat sama seperti kes jangkitan saluran penafasan yang lain dan tidak lagi diberikan HSO.

4.2 Permohonan Cuti Sakit

Staf yang terjejas akibat Covid-19 boleh memohon cuti sakit melalui Sistem HIS dan mesti mengemukakan dokumen sokongan seperti sijil cuti sakit.

4.3 Jenis Cuti Yang Layak

Sijil cuti sakit boleh diterima bagi staf yang menerima sijil cuti sakit kerana disahkan positif Covid-19 dan bagi tujuan isolasi terutamanya staf yang berpotensi untuk menyebabkan transmisi jangkitan di tempat kerja.

4.4 Tanggungjawab Staf

Semasa tempoh cuti, staf dikehendaki mematuhi semua arahan kesihatan termasuk menjalani kuarantin dan melaporkan status keadaan kesihatan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KRH masing-masing.

4.5 Tempoh Cuti

Tempoh cuti akan diberi berdasarkan nasihat perubatan dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kesihatan.

4.6 Tindakan Susulan

Staf yang kembali bekerja perlu mengemukakan laporan kesihatan yang menunjukkan mereka telah sihat untuk kembali bekerja.

5. Arahan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2024.

Sekian, terima kasih.

"BECAUSE WE CARE"

(WAN MOHD HAFIZ BIN WAN IBRAHIM)
Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan RISDA